

Myanmar minat guna aturan pembayaran dua hala perdagangan

2001 26 SEP 2001

PLJTRAJAYA235 Sept. 4 — Myanmar berminat untuk menggunakan aturan pembayaran dua hala dan akaun dagangan dalam urusan perdagangan dengan Malaysia bagi mengurangkan pergantungan kepada mata wang asing.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, dengan kaedah itu, Myanmar yakin urusan perdagangan antara kedua-dua buah negara akan dapat dipertingkatkan kerana pembayaran akan dibuat menerusi pertukaran barangan dagangan masing-masing.

"Mata wang asing hanya diperlukan bagi membuat pembayaran terhadap perbezaan nilai dagangan yang

dilakukan, sekaligus mengurangkan beban mendapatkan mata wang asing," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat antara delegasi Myanmar dan Malaysia di sini yang diadakan sempena lawatan kerja tiga hari Perdana Menteri Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe ke Malaysia bermula hari ini.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad manakala Jeneral Kanan Than Shwe mengetuai delegasi negaranya.

Syed Hamid berkata, selain itu, Myanmar melihat negara-negara ASEAN perlu meningkatkan kerjasama perdagangan dan mempelba-

galkan pasaran bagi barangan keluaran ASEAN.

Katanya, negara-negara serantau juga tidak boleh lagi bergantung kepada satu pasaran sahaja seperti Amerika Syarikat kerana ia boleh menjejaskan negara-negara ASEAN jika pasaran tersebut terjejas.

Beliau berkata, Myanmar amat berharap lebih ramai pelabur Malaysia melabur di negara itu dan Malaysia meminta Myanmar menyediakan suasana pelaburan yang kondusif untuk tujuan tersebut.

Syed Hamid berkata, perkara lain yang turut dibincangkan termasuk usaha sama dalam bidang cari gali minyak dan gas, pembalakan,

kertas dan palpa, perikanan serta pertukaran kebudayaan.

Mengenai situasi politik di Myanmar terutama rundingan dengan pemimpin pembangkang, Aung San Suu Kyi, beliau berkata, Myanmar memaklumkan bahawa rundingan itu masih diteruskan.

"Sebagai anggota ASEAN, Malaysia mahu Myanmar turut berada dalam arus perdamaian ASEAN dan tidak terjejas berikutan senario politik dalaman mereka," katanya.

Sempena mesyuarat itu, dua memorandum persefahaman ditandatangani antara Malaysia dan Myanmar iaitu bidang penerangan dan pelancongan.

Terdahulu, kctibaan Than

Shwe di Jabatan Perdana Menteri disambut oleh Dr. Mahathir dan beliau telah ditunjukkan pemandangan Putrajaya dari atas bangunan jabatan itu.

Kedua-dun pemimpin kemudian mengadakan perbincangan di pejabat Dr Mahathir sebelum menghadiri mesyuarat dua hala.

Pada sebelah malamnya pula, Dr. Mahathir meraikan pemimpin Myanmar itu, isterinya, Daw Kyaing Kyaing dan delegasinya di majlis jamuan malam di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana.

Yang turut hadir pada jamuan itu ialah beberapa menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan.